

10/05/2004

AS cari alasan bertapak di Asia Tenggara

By Ridzuan Yop

CITA-CITA Amerika Syarikat (AS) untuk menguasai rantau Asia Tenggara tidak pernah padam dengan pelbagai usaha dan dakyah disebar untuk mencapainya.

Kuasa besar tunggal dunia itu walaupun pernah dimalukan dalam perang Indochina kedua di bumi Vietnam (1965-1975) - selepas diusir gerila Vietkong sehingga memaksanya berundur dari rantau ini, masih tidak serik dan masih memasang angan-angan untuk terus bertapak di Asia Tenggara.

Selain menggunakan kuasa ekonomi, AS juga menggunakan kuasa ketenteraannya yang dianggap paling canggih di dunia yang mampu menggerunkan mana-mana musuh yang mahu menentanginya.

Amerika yang bertindak sebagai 'polis dunia' begitu berhasrat memperluaskan pengaruhnya di rantau ini sebagai antara agenda utamanya untuk menguasai dunia sebagaimana pencerobohan yang dilakukan di beberapa negara lain termasuk di Iraq.

Selepas tragedi 11 September 2001, Amerika kini takut dengan bayang-bayang sendiri dan begitu mudah membuat tuduhan setiap serangan atau kekacauan yang tercetus adalah disebabkan perbuatan pengganas.

Terbaru, Amerika dengan cara berdiplomasi atas alasan kononnya mahu mengekang keganasan tidak sabar-sabar mahu menempatkan tenteranya di rantau ini.

Alasan yang digunakan iaitu bagi membantu mengawal Selat Melaka daripada serangan pengganas, kononnya jika keganasan tidak dibendung boleh menyebabkan kegiatan perkapalan dan perdagangan yang menggunakan selat berkenaan terjejas.

Malaysia, Indonesia dan Singapura berkongsi selat itu sepanjang 900 kilometer yang menghubungkan pelabuhan penting Eropah, Asia dan Asia Barat.

Apapun, alasannya tindakan itu seakan memperlekehkan keupayaan tentera Malaysia dan Indonesia yang bertanggungjawab menjaga selat itu, sejak sekian lama.

Amerika kemudian membuat satu lagi tawaran kepada Thailand untuk mewujudkan pangkalan tentera di selatan negara itu, kononnya mahu membantu Thailand menangani pemberontakan pemisah seperti yang dilakukannya di selatan Filipina.

Paling menarik tawaran itu dibuat sendiri oleh Presiden George W Bush kepada Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra, atas alasan mahu membantu mengekang keganasan membabitkan pemisah Islam di kawasan terbabit, selepas peristiwa berdarah mengorbankan 112 orang di selatan negara itu.

Akhbar Thailand, The Nation memetik sumber keselamatan negara itu sebagai mendedahkan Bush secara rahsia menyatakan kesediaannya menghantar pasukan khas antikeganasan Amerika untuk menyertai operasi tentera Thailand di selatan negara itu.

Langkah itu sama seperti bantuan ketenteraan yang ditawarkan Washington kepada Manila bagi membantu menghancurkan pejuang pemisah di Mindanao, selatan Filipina tidak lama dulu.

Namun persoalannya, apakah kehadiran tentera Amerika akan membawa kebaikan atau sekurang-kurangnya jaminan rantau ini menjadi lebih selamat atau terpaksa berhadapan dengan keadaan menjadi lebih buruk seperti di Iraq.

Yang pasti Amerika akan menggunakan apa juga alasan bagi membolehkannya bertapak di Asia Tenggara, bukan saja menguasai ekonomi serantau juga demi

menjaga kepentingan strategiknya.

Tawaran Amerika kepada Thailand bagi mewujudkan sebuah pangkalan tentera di negara itu sebagai langkah bersungguh-sungguh Washington mahu memainkan peranan besar-besaran di rantau ini.

Tawaran itu juga dibuat selepas AS tidak berpuas hati berikutan beberapa usaha mereka untuk menempatkan tenteranya di rantau ini atas alasan mengekang keganasan ditolak terutama oleh Malaysia.

Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia (MSRC), Abdul Razak Baginda, berkata apapun alasannya kehadiran AS bukan jaminan rantau ini akan menjadi lebih selamat.

Ia terbukti seperti yang berlaku di Iraq - kehadiran tentera Amerika yang diharap dapat menyingkirkan Saddam Hussein, sebaliknya membawa petaka dan derita yang tidak berkesudahan kepada rakyat negara itu.

Razak berkata, kehadiran tentera AS jika benar berlaku hanya akan memburukkan lagi keselamatan di rantau ini, seperti yang dilakukan negara kuasa besar itu kepada negara lain.

"Alasan AS mahu mewujudkan pangkalan tenteranya, di selatan Thailand kononnya bagi mengekang keganasan sebagai satu pemikiran bodoh, kerana tidak ada kena mengena memerangi keganasan dengan pembinaan pangkalan tentera," katanya.

Razak menegaskan atas semangat Asean kehadiran AS patut ditolak, walaupun ada negara di rantau ini seperti Singapura, Filipina dan Thailand mempunyai hubungan baik dengan Amerika.

Menerima tentera AS di rantau ini, bererti mengundang permasalahan yang lebih rumit kerana ia bukan jaminan rantau ini akan menjadi lebih selamat atau bebas daripada keganasan.

"Tawaran AS mahu menjaga Selat Melaka dan membina pangkalan tenteranya di selatan Thailand adalah usaha negara kuasa besar itu memperluaskan pengaruhnya," kata Pengerusi Biro Hal Ehwal Antarabangsa Pemuda Umno, Dr Shamsul Anwar Sulaiman.

Katanya, yang jelas AS menggunakan alasan memerangi keganasan, sebaliknya mereka mempunyai agenda yang lebih besar iaitu menguasai negara di rantau ini dengan menempatkan tenteranya.

Thailand atas semangat Asean sewajarnya menolak tawaran itu dan tetap berpegang kepada prinsip asal penubuhan Asean iaitu menjadikan rantau ini bebas, aman dan berkecuali.

Thailand seharusnya menerima tawaran kepakaran serta pengalaman Malaysia dalam menangani ancaman puak militan dan fahaman ekstremis seperti yang disuarakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, kepada Thaksin dalam pertemuan mereka di Bangkok, baru-baru ini.

Pengalaman Malaysia menangani puak militan dan ekstremis seperti Kumpulan Militan Malaysia (KMM) dan Al-Ma'unah tanpa menumpahkan darah adalah satu kejayaan yang boleh dicontohi negara lain.

"Pemuda Umno membantah sekeras-kerasnya sebarang bentuk pembabitan tentera asing di rantau ini kerana ia dilihat bakal mencipta situasi yang sama seperti yang berlaku di Iraq dan Afghanistan," katanya.

Beliau mahu hubungan sedia terjalin berlandaskan konsep memakmurkan jiran seperti yang dipelopori Malaysia dapat direalisasikan kerana jika sebuah negara berjiran aman dan makmur sudah pasti ia akan turut melimpah kepada negara jirannya yang lain.

Penganalisis pertahanan, Muhammad Fuad Mat Noor, berkata kehadiran tentera Amerika di rantau ini bukan perkara baru kerana mereka sememangnya pernah mengadakan siri latihan bersama tentera Thailand.

"Saya berpendapat tawaran Bush kepada Thaksin untuk membina pangkalan tentera Amerika lebih kepada mahu melihat reaksi negara lain dalam Asean terutama Malaysia dan Indonesia terhadap kehadiran tentera Amerika di rantau ini," katanya.

Amerika mahu mengetahui reaksi Malaysia terutama di bawah kepemimpinan baru Malaysia yang diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berhubung kehadiran tentera Amerika di rantau ini sama ada diterima atau sebaliknya.

Amerika sedia maklum mengenai dasar luar Malaysia ketika era bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang sememangnya menentang keras segala bentuk pembabitan tentera asing di rantau ini.

Fuad menyifatkan masalah yang berlaku di selatan Thailand adalah masalah dalaman negara itu kerana Thailand bukan diancam oleh negara luar sehingga memerlukan Amerika membina pangkalan tenteranya.

"Kehadiran tentera Amerika di rantau ini tidak ada kena mengena dengan penduduk di selatan Thailand apatah lagi perbezaan yang begitu ketara sama ada dari segi bahasa, agama dan budaya setempat," katanya yakin isu di selatan Thailand hanya dapat tangani dengan berkesan oleh pemimpin serantau dan bukannya pihak luar.

Apapun, percaturan strategik Amerika untuk menempatkan tenteranya di rantau ini perlu dilihat secara menyeluruh dan ditangani secara berhati-hati agar negara Asia Tenggara tidak kembali dijajah.

(END)